KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	01.07.22	MUKA SURAT	:	3
JABATAN	:	JPSM			

SINAR HARIAN • JUMAAT 1 JULAI 2022

Tumpu usaha pulihara bakau

Hutan paya bakau mempunyai akar yang kuat bagi melindungi kawasan pantai meskipun dihempas ombak sepanjang masa

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
KUALA SELANGOR

Nelayan pesisir pantai di Kuala Selangor menggesa kerajaan dan pihak berwajib memberi tumpuan bagi penanaman pokok bakau bagi memastikan ekosistem hidupan air kekal terpelihara.



AMRAN

Seorang nelayan, Azman Basri, 41, berkata, penanaman bakau penting bagi kelestarian ekosistem marin dan menjadi tempat habitat semula jadi seperti ikan, siput dan ketam terus membiak.

"Kawasan paya bakau ini mempunyai keistimewaan tersendiri terutama dalam rantaian hidupan air dan ia penting bagi kestabilan ekosistem kawasan pantai dan kepelbagaian biologi serta sumber makanan hidupan," katanya.

Seorang lagi nelayan, Amran Omar, 50, berkata, selain menjadi tempat habitat hidupan air, paya bakau juga dapat mengelak hakisan ombak serta angin kencang di kawasan terbabit.

Katanya, hutan paya bakau mempunyai akar yang kukuh bagi melindungi kawasan pantai meskipun dihempas ombak kuat.

"Pokok bakau merupakan penahan semula jadi pantai dan dapat mengurangkan risiko angin kuat terutama melindungi penduduk yang tinggal berhampiran," katanya.

Pengerusi Nelayan Kuala Selangor, Omar Abdul Rahman berkata, pokok bakau amat penting sama ada di laut, udara dan darat.



Selain menjadi tempat habitat hidupan air, paya bakau juga dapat mengelak hakisan ombak serta angin kencang.

Jelasnya, jika di laut ia sudah semestinya menjadi tumpuan kepada hidupan air bergantung hidup dengan pokok bakau itu sendiri.

Katanya, jika di darat pokok bakau membantu menyerap karbon dioksida dan menukarkannya kepada oksigen bersih.

"Selain itu, jika di udara, pokok bakau ini berfungsi sebagai tempat burung hijrah singgah untuk memakan makanan marin seperti cacing, ketam dan ikan di pesisir pantai," ujarnya.

Omar memberitahu, penanaman pokok bakau amat penting, namun ketika ini terdapat usaha penebangan bakau bagi tujuan menjualnya di pasaran.

Jelasnya, terdapat pihak tertentu menebang bakau kerana ia mendapat permintaan tinggi dalam sektor pembinaan untuk dijadikan kayu cerucuk.

LAPORAN MUKA DEPAN